



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 51/2017 dari 17 hingga 23 Disember 2017)

Pada Minggu ke-51 iaitu dari 17 hingga 23 Disember 2017, terdapat 1,050 kes Demam Denggi telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 65 kes (6.6%) berbanding 985 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kedah 12 kes (133.3%), Selangor 82 kes (17.9%), Johor 20 kes (15.5%), Kelantan 2 kes (13.3%) dan Sabah 8 kes (11.1%). Jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang direkodkan sehingga 23 Disember 2017 adalah sebanyak 82,840 kes berbanding 100,028 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 17,188 kes (17.2%).

Satu (1) kes kematian telah direkodkan pada Minggu ke-51 dan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 171 kematian, berbanding 231 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, iaitu pengurangan sebanyak 60 kes (26.0%). Setelah siasatan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menemui pembiakan nyamuk Aedes dengan Indeks Aedes (AI) adalah 3.8% iaitu tinggi dari nilai piawai. Oleh demikian, KKM menyeru agar masyarakat perlu mengamalkan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes di kediaman masing-masing. Luangkan masa hanya 10 minit sahaja seminggu.

Sehingga 23 Disember 2017, sejumlah 303 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 20 lokaliti hotspot semasa yang dicatatkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 10 lokaliti di Selangor, empat

(4) lokaliti di Johor, tiga (3) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokaliti di Perak dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan untuk tempoh yang sama menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan bagi tahun 2017 sehingga 23 Disember 2017 adalah kekal sebanyak 269 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 18 kes dari Kelantan, dan masing-masing dua (2) kes dari Perak dan Sarawak. Selain itu, pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 23 Disember 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 2,304 sampel darah dan 33 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, Monsun Timur Laut akan berakhir sekitar bulan Mac 2018. Beberapa siri hujan lebat secara menyeluruh boleh berlaku terutamanya bagi negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia serta di Barat Sarawak. Jumlah kes Demam Denggi kebiasaannya menunjukkan peningkatan dengan pertambahan purata hujan. Oleh demikian, orang ramai haruslah mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan Demam Denggi tidak menular dan mengorbankan lebih banyak nyawa ketika perubahan cuaca ini. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan tiada tempat pembiakan Aedes di kawasan rumah atau kejiranan. Pastikan tiada takungan air yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes seperti bekas tadahan air, kolam, pasu bunga, tin-tin kosong, tayar buruk dan sebagainya. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

29 Disember 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 51/2017
(17 hingga 23 Disember 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian dilaporkan				Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 51/2017		Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 51/2016	
		Minggu 51 (17 – 23 Dis 2017)		Minggu 50 (10 – 16 Okt 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	175	0	181	3
2	Kedah	21	0	9	0	1,416	5	985	5
3	P. Pinang	47	0	70	0	2,615	13	2,541	12
4	Perak	33	0	55	0	5,353	12	3,719	10
5	Selangor	541	0	459	1	44,737	64	50,908	77
6	WP KL & Putrajaya	88	0	91	0	8,268	19	8,555	21
7	N. Sembilan	24	0	28	0	3,040	11	2,804	24
8	Melaka	14	0	19	0	1,418	1	2,276	7
9	Johor	149	1	129	0	7,829	25	10,567	22
10	Pahang	23	0	23	0	1,677	6	3,022	10
11	Terengganu	3	0	3	0	287	1	1,997	20
12	Kelantan	17	0	15	0	2,505	2	6,097	11
13	Sarawak	10	0	10	0	940	4	2,729	7
14	Sabah	80	0	72	0	2,490	8	3,634	2
15	WP Labuan	0	0	1	0	90	0	13	0
	MALAYSIA	1,050	1	985	1	82,840	171	100,028	231

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 51/2017
(17 hingga 23 Disember 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	12	60
2	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	18	52
3	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Bb2, Taman Banting Baru	13	49
4	SELANGOR	Hulu Langat	De Casa Condo Bandar Baru Ampang	11	47
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	10	41
6	WPKL	Cheras	Taman Midah (Prima Midah Height)	17	41
7	SELANGOR	Klang	T.S.A (Jln Seri Banang 14)	12	40
8	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	9	39
9	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	7	38
10	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Jln Tasek 13- 45	15	37
11	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Semarak Bb	7	37
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	6	35
13	WPKL	Cheras	Bandar Sri Permaisuri(Mentari Condo)	7	34
14	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Perintis 2	9	33
15	WPKL	Cheras	Taman Midah (Midah Ria Condo)	5	33
16	JOHOR	Johor Bharu	Bbu Padi Huma	9	33
17	SELANGOR	Klang	Off Jln Meru (Jln Hj Abdul Manan Lot 6065)	23	32
18	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kobena	5	32

19	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	4	32
20	PERAK	Kampar	K/B Mbg Diawan	9	31

